

09/05/2004

Banduan bantu selamatkan tebusan

By Ziauddin Sharuddin

SENARIO

HANYA pada hari keenam, penderitaan Dr Radzi dan Abdul Aziz, yang menjadi tahanan enam banduan di Penjara Pudu berakhir. Anggota polis daripada Unit Tindakan Khas (UTK) tanpa melepaskan sebutir peluru menyerbu hospital penjara itu dan berjaya membebaskan mereka. Gerakan pembebasan itu juga dibantu seorang daripada enam banduan yang rupa-rupanya tidak sehaluan dengan rakannya. Nama banduan itu dirahsiakan, tetapi diketahui umum apabila kes mereka menahan dua kakitangan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dibawa ke mahkamah. Semua banduan terbabit akhirnya menerima pembalasan terhadap perbuatan mereka. Seorang daripadanya menemui ajal di tali gantung kerana kesalahan lain.

HARI KEEMPAT (20 OKTOBER 1986)

PIHAK berkuasa mula melakukan sesuatu untuk membebaskan Dr Radzi dan Abdul Aziz.

Pada hari keempat, mereka tidak lagi dibenarkan menerima pelawat buat sementara waktu kerana usaha sedang dijalankan bagi melicinkan gerakan pembebasan dua kakitangan Fakulti Perubatan UKM.

Ketua Pengarah Penjara, Datuk Ibrahim Mohamad, yang mengeluarkan arahan itu, bagaimanapun memberi kuasa kepada Pengarah Pemulihan Penjara, Charan Singh, menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan lawatan dalam keadaan tertentu.

Charan Singh ketika itu bertindak sebagai penyelarass rundingan antara polis dan enam banduan terbabit, ketika Ibrahim menghadiri mesyuarat di Pulau Pinang.

Pada hari ini, ibu bapa Dr Radzi datang ke Penjara Pudu, tetapi setiba di pintu besar penjara, pengawal di situ tidak membenarkan mereka masuk.

Adik Dr Radzi, Rizwan, yang membawa mereka, hairan dengan arahan itu, tetapi berpendapat bahawa pihak berkuasa mempunyai sebab untuk mengambil langkah itu.

Pada hari keempat ini, tugas berunding dengan enam banduan terbabit diambil alih oleh polis selepas tempoh hingga jam 10 pagi yang diberikan oleh Ketua Pengarah Penjara, berakhir tanpa sebarang penyelesaian.

Ibrahim sebelum berlepas ke Pulau Pinang untuk menghadiri mesyuarat, memberitahu tidak ada perkembangan baru yang memberangsangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Megat Junid Megat Ayub, pula berkata kerajaan masih memberi peluang kepada banduan terbabit untuk menyerah diri bagi menentukan keselamatan kedua-dua pihak terjamin.

"Peluang itu diberi sebagai ruang untuk berunding. Kita bertolak ansur untuk keselamatan kedua-dua pihak," katanya.

Bagaimanapun, Megat Junid, memberi amaran bahawa kerajaan akan bertindak tegas jika banduan terbabit mencederakan Dr Radzi dan Abdul Aziz.

HARI KELIMA (21 OKTOBER 1986)

Megat Junid bertegas tidak akan menggugurkan tuduhan terhadap enam banduan terbabit semata-mata untuk membebaskan dua tebusan berkenaan.

Katanya, kerajaan tidak sanggup mengeneppikan undang-undang kerana dengan berbuat demikian, pesalah lain mungkin mengikut jejak mereka.

"Kita tidak akan tunduk kepada tuntutan mereka kerana masih ada 1,000 cara lain untuk menyelesaikan masalah itu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan menggunakan kekerasan untuk melepaskan kedua-dua tebusan selagi pintu penyelesaian secara aman masih terbuka.

Katanya, walaupun polis mengambil alih kawasan penjara, tetapi usaha memujuk banduan masih dilakukan oleh pegawai penjara dengan perundingan dipimpin semula oleh Ibrahim secara bergilir-gilir dengan Charan Singh.

Hingga saat itu, lima daripada enam banduan dikatakan berhasrat untuk menyerah diri, tetapi tidak ada tanda kejadian penahanan ini akan berakhir.

Pihak berkuasa masih berusaha memujuk seorang lagi banduan supaya menyerah diri dan membebaskan kedua-dua tahanan. Enam banduan terbabit juga tidak membuat tuntutan baru. Mereka bersama kedua-dua tebusan hanya berehat.

Dr Radzi dan Abdul Aziz yang menghadapi masalah kesihatan juga diperiksa tiga orang doktor.

HARI KEENAM (22 OKTOBER 1986)

Hari pembebasan kedua-dua tebusan. Kira-kira jam 5.30 petang, 12 anggota UTK menyerbu dan berjaya membebaskan dua tebusan serta menahan enam banduan terbabit.

Dalam masa seminit, mereka menamatkan drama yang bermula sejak enam hari lalu tanpa melepaskan sebarang tembakan dan hanya menggunakan cota.

Dr Radzi dan Abdul Aziz hanya cedera ringan dalam gerakan menyelamat itu.

Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Zaman Khan, berkata tidak ada seorang pun anggota polis cedera ketika mengambil bahagian dalam gerakan itu.

Katanya, polis terpaksa menggempur selepas rundingan terakhir pada jam 5.20 petang menemui jalan buntu.

Beliau berkata, polis yang mengambil alih tugas berunding itu pada hari ketiga mendapati ada ruang untuk bertindak membebaskan tebusan selepas memikirkan keselamatan mereka.

Ketika membebaskan tebusan, polis merempuh pintu depan klinik dan dengan pantas membebaskan mereka. Dalam pergelutan itu, beberapa banduan cedera.

Sementara itu, Ibrahim, mendedahkan bahawa seorang daripada enam banduan terbabit, memihak kepada polis dan ini membantu gerakan menyelamat tebusan.

Beliau berkata, banduan terbabit melindungi kedua-dua tebusan daripada dicerderakan banduan lain menyebabkan mereka hanya cedera ringan.

Kira-kira 30 minit sebelum gerakan itu, katanya banduan itu menelefonnya meminta diberikan makanan.

Katanya, banduan itu meletakkan telefon dan kemudian menelefon semula lalu memberitahu: "Inilah masanya untuk bertindak."

Selepas menerima maklumat itu, 12 anggota UTK memasuki kawasan persekitaran klinik di bahagian kiri penjara. Kawasan itu berpagar.

Ibrahim membuka pintu pagar besi dan berjalan berhati-hati melalui kawasan kaki lima bangunan untuk ke bahagian belakang bangunan hospital.

Apabila semuanya terkawal, beliau memberi isyarat kepada anggota UTK yang bersembunyi di tepi dinding bangunan itu untuk mara.

Anggota UTK melalui bahagian itu dengan berhati-hati kerana bimbang dilihat banduan terbabit dan kemudian bersembunyi di celah pokok bunga di situ.

Pasukan UTK menyerbu masuk hospital sebaik saja Ibrahim membuka pintu.

Megat Junid berkata, keputusan membebaskan dua tebusan itu dibuat oleh Perdana Menteri, yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Dr Mahathir memberi pilihan kepada polis untuk bertindak 24 jam sebelum gerakan itu dilancarkan.

Walaupun Perdana Menteri memberi pilihan, katanya tindakan itu adalah hasil kerjasama semua pihak, terutama polis dan pentadbiran penjara.

"Tindakan polis dibuat setelah kajian teliti bagi memastikan tidak

berlaku pertumpahan darah. Polis tidak akan bertindak terburu-buru," katanya

Apakah kesudahan nasib enam banduan yang menahan Dr Radzi dan Abdul Aziz?

Mereka dihadapkan ke Mahkamah Majistret dan dituduh menculik Dr Radzi dan Abdul Aziz, sebagai tebusan supaya mereka dibebaskan tanpa syarat daripada tahanan Jabatan Penjara.

Ketika perbicaraan inilah, orang ramai mengetahui identiti banduan yang membantu polis ketika gerakan menyelamat dulu.

Ibrahim ketika memberi keterangan memberitahu mahkamah bahawa tertuduh kelima, Pang Boon Boo, memberi jaminan akan membantu pihak berkuasa menyelamatkan Dr Radzi dan Abdul Aziz, pada masa yang sesuai.

Katanya, Pang melahirkan perasaan kasihannya terhadap dua tebusan itu.

Bagaimanapun, katanya Pang memintanya menunggu masa yang sesuai untuk menyelamatkan mereka kerana keadaan ketika itu agak rumit.

Ketika perbicaraan kes itu yang kemudian dipindahkan ke Mahkamah Tinggi berlangsung, Jimmy Chua, yang menjadi jurucakap kumpulan banduan itu menghadapi satu kes lain.

Dia akhirnya dijatuhi hukuman mati mandatori oleh Mahkamah Tinggi pada 21 November 1986, selepas disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 57(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Jimmy Chua ditangkap di persimpangan Jalan Khoo Teik Eee dan Jalan Medan Imbi, Kuala Lumpur pada 14 Februari 1984, kerana memiliki sepucuk pistol Llama calibre .32 dan enam butir peluru .32 calibre.

Keputusan itu kemudian disahkan Mahkamah Agung pada 19 September 1988.

Bekas konstabel polis Singapura itu, menjalani hukuman mati di Penjara Pudu, pada 10 Oktober 1989.

Sementara itu nasib lima banduan lain diketahui pada 16 Mac 1990. Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara antara tiga hingga lima tahun terhadap mereka.

Ng Lai Huat, Sim Ah Lam dan Lam Hok Sung, masing-masing dihukum penjara lima tahun kerana menahan Dr Radzi dan lima tahun lagi kerana menawan Abdul Aziz.

Pang Boon Boo dan Yap See Keong, pula masing-masing dihukum penjara tiga tahun bagi kesalahan yang sama.

Mereka bersama Jimmy Chua yang sudah meninggal dunia selepas dihukum gantung didakwa mengikut Sekyen 3(1) Akta Penculikan yang membawa hukuman maksimum mati jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, Pesuruhjaya Kehakiman, Faiza Thamby Chik, memutuskan bahawa pendakwa gagal membuktikan kesnya mengikut seksyen itu terhadap tertuduh.

"Ciri tebusan yang diperlukan mengikut akta itu tidak wujud dalam kes ini. Bagaimanapun, daripada keterangan, saya berpuas hati adanya perbuatan menawan dua mangsa itu secara salah, mengikut Seksyen 365 Kanun Kesiksaan," katanya.

Sementara itu, hasrat Dr Radzi untuk, membukukan pengalamannya ketika ditahan di Penjara Pudu, tidak kesampaian apabila meninggal dunia pada 2 November 1993 di Hospital Tawakal, kira-kira jam 9.30 malam kerana sakit jantung.

(END)